

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS  
@ TUBAU (LIBARAN)**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta  
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah usaha yang dilakukan  
oleh Kementerian dalam menangani masalah yang dihadapi oleh institut  
memandu yang telah ditutup sejak 1 Jun akibat pandemik COVID-19.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Pengangkutan (MOT) ingin memaklumkan bahawa Industri Latihan Pemanduan (ILP) Kenderaan Motor di seluruh negara dibenarkan beroperasi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara janji temu. Syarat-syarat pengoperasian adalah tertakluk kepada fasa PPN bagi setiap negeri yang terlibat.

Kebebasan pembukaan ILP ini tertakluk kepada pematuhan beberapa perkara yang ditetapkan, antaranya adalah untuk negeri yang berada dalam Fasa 1 dan Fasa 2 PPN, ILP hanya dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja berdasarkan peratusan pekerja yang telah lengkap menerima vaksin. Sekiranya kadar peratusan pekerja yang lengkap menerima vaksin lengkap 40%, maka kapasiti pekerja yang dibenarkan beroperasi adalah 60%. Jika 60% kapasiti pekerja telah lengkap vaksin, yang dibenarkan ialah 80% dan begitu juga untuk mereka yang telah mencapai 80% pekerja yang telah divaksin, ianya akan dibenarkan 100% beroperasi.

Bagi negeri di fasa 3 dan fasa 4, kebenaran beroperasi adalah tertakluk kepada syarat-syarat umum seperti sentiasa memakai pelitup muka, hadir dengan temu janji, mengamalkan penjarakan fizikal serta tertakluk kepada arahan lain yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Memahami dan prihatin dengan kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh pengendali IM akibat pandemik COVID-19, MOT telah memutuskan pemberian moratorium selama tiga (3) bulan iaitu sehingga 30 November 2021 bagi keperluan pembaharuan permit IM bagi mana-mana yang tempoh sah laku permitnya telah tamat di antara bulan Januari hingga September 2021.

Disamping itu, perlanjutan Lesen Belajar Memandu (LDL) yang tamat tempoh melebihi 2 tahun bermula 13 Januari 2021 juga dilanjutkan

## **SOALAN NO : 7**

sehingga tahun hadapan iaitu 30 Jun 2022. Tempoh lanjutan telah dibenarkan untuk membantu mereka yang tidak dapat mengikuti proses mendapatkan lesen dan menduduki ujian memandu akibat penutupan pengoperasian Institut Memandu yang dianggarkan lebih kurang 462,000 calon yang dikatakan backlog ini. Seterusnya perlanjutan tempoh ini juga akan membolehkan pihak IM mengaturkan ujian untuk semua calon dengan pihak JPJ dan dapat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Pihak Kerajaan juga telah memberikan moratorium dalam urusan pembaharuan permit Institut Memandu, Sijil Pengajar Institut Memandu (SPIM) dan Sijil Kenderaan Institut Memandu (SKIM) sehingga 31 Disember 2021 kepada permit dan sijil yang telah dan akan tamat bermula 1 Julai 2021. Pemegang SPIM dan SKIM dibenarkan untuk menjalankan operasi latihan dan pengujian dalam tempoh tersebut.